

# Pindah diesel tengah laut

**Maritim tahan tiga bot tangki dari Thailand, tiada dokumen sah**

RAIHAM MOHD SANUSI

**KEMAMAN**

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) merampas 150,000 liter diesel bernilai kira-kira RM300,000 apabila berjaya menahan tiga bot tangki yang disyaki menjalankan kegiatan memindah bahan bakar itu secara haram di perairan negara.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Muhammad Rezal Kamal Bashah berkata, tiga bot dari Thailand itu antara empat bot yang berjaya ditahan pihaknya dalam tempoh dua hari dengan keseluruhan nilai bot dan peralatan dianggarkan berjumlah RM5 juta.

Menurutnya, ketiga-tiga bot



Muhammad Rezal memeriksa salah sebuah daripada empat bot yang ditahan dan dibawa ke jeti Zon Maritim Kemaman.

tangki itu ditahan pada Isnin lalu di tiga lokasi berbeza iaitu pada jarak 151.9, 166.6 dan 167.1 batu nautika dari Kuala Kemaman sekitar jam 11.40 pagi hingga 1.10 petang.

Katanya, pihaknya turut menahan sebuah bot nelayan asing dari Vietnam kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara di kedudukan kira-kira 127.6 batu nautika

dari Kuala Kemaman lebih kurang jam 6.30 petang, Selasa lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesemua bot itu dinaiki 21 awak-awak dan empat tekong yang kesemuanya tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Ketiga-tiga bot tangki yang membawa diesel itu juga tidak mempunyai permit dan dokumen sah untuk melakukan pemindahan

minyak di laut manakala kapal nelayan itu turut tidak mempunyai permit sah daripada Jabatan Perikanan Malaysia untuk menangkap ikan di perairan negara," katanya.

Muhammad Rezal berkata, pihaknya percaya kapal terbabit menjalankan aktiviti tersebut dengan membeli diesel bersubsidi daripada nelayan tempatan untuk dijual di pasaran luar dengan harga

lebih mahal.

"Harga minyak diesel dunia sekarang tidak menentu dan pada masa sekarang harganya naik. Dengan harga yang tinggi, mereka mengambil cara mudah iaitu dengan mengambil minyak subsidi dari nelayan-nelayan tempatan.

"Kemudian nelayan tempatan ini akan jual balik pada bot-bot tangki yang berada di laut, seterusnya bot tangki membelinya dengan harga yang mahal sikit daripada harga pasaran," katanya.

Ketiga-tiga bot yang membawa muatan diesel dan sebuah lagi bot nelayan dibawa masuk ke jeti Zon Maritim Kemaman pada lewat petang kelmarin untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63, Akta Kawalan Bekalan dan Akta Perkapalan Saudagar.

Jika sabit kesalahan kesemua peralatan termasuk bot akan dirampas manakala tekong bot boleh didenda sehingga RM1 juta dan awak-awak boleh didenda sehingga RM500,000.